

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL**
[KANGAR]
TARIKH : **24.5.2016 (SELASA)**
NO. SOALAN : **~~50~~ 57**

Y.B Ir. Shaharuddin bin Ismail [KANGAR] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sejauh manakah hab halal telah berjaya mempromosikan Malaysia ke seluruh pelusuk dunia dan apakah pelan jangkamasa panjang dalam membabitkan lebih ramai pengusaha kecil tempatan sebagai langkah susulan supaya hasrat ini tercapai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, terdapat 22 taman halal di seluruh negara, di mana 19 daripadanya adalah di bawah seliaan Agensi Kerajaan Pusat serta Kerajaan Negeri dan 3 adalah milik swasta. Setakat ini sebanyak 14 taman halal telah menerima status HALMAS daripada HDC bagi melayakkan syarikat menikmati insentif galakan cukai. Dengan status HALMAS, pengendali taman halal, pemain industri halal serta pengendali logistik halal layak memohon insentif yang ditawarkan. Ini termasuk 100% elaun cukai pelaburan ke atas perbelanjaan modal yang layak dalam tempoh 10 tahun, pengecualian cukai pendapatan ke atas jualan eksport untuk tempoh 5 tahun serta pengecualian duti import tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
2. Sehingga Disember 2015, sebanyak 165 syarikat telah beroperasi di taman-taman halal tersebut dengan jumlah pelaburan mencecah RM10.6 bilion. Daripada

jumlah tersebut, nilai pelaburan tempatan bernilai RM3.9 bilion (32%) dan lebih 7,750 peluang pekerjaan telah diwujudkan. Antara syarikat-syarikat multinasional (MNCs) yang telah melabur di taman halal termasuk AJ Biologics Sdn. Bhd., AJ Research & Pharma Sdn. Bhd. dan Novogen Limited.

3. Kerajaan melalui Halal Industry Development Corporation (HDC) dengan sokongan agensi-agensi yang lain termasuk MIDA, MATRADE dan SME Corp. Malaysia akan meneruskan pelaksanaan pelbagai program dan projek berpandukan Pelan Induk Industri Halal (HIMP) bagi mencapai dua objektif menjelang tahun 2020 iaitu:

- i) menjadikan Malaysia sebagai pusat rujukan halal dunia; dan
- ii) menjadikan Malaysia sebagai peneraju dalam bidang inovasi, pembuatan dan perdagangan produk dan perkhidmatan halal.

4. Di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe11) pula, pelan pembangunan berkaitan industri halal telah diberi penekanan yang khusus melalui Teras ke-6 iaitu 'Merekayasa Pertumbuhan Ekonomi Untuk Peningkatan Kemakmuran'. Pelaksanaannya dirujuk kepada strategi untuk mentransformasikan sektor perkhidmatan berkaitan halal berdasarkan 5 hala tuju, iaitu:

- i) menambah baik tadbir urus sektoral;
- ii) memperkukuhkan integriti halal Malaysia;
- iii) meningkatkan nilai eksport halal;
- iv) menghubungkan Malaysia dengan rangkaian bekalan halal serantau; dan
- v) meningkatkan bilangan pakar berkaitan industri halal.

5. Sepanjang tempoh pelaksanaan inisiatif di bawah RMKe11, Kerajaan telah mensasarkan sumbangan industri halal kepada pertumbuhan ekonomi dan sosial seperti berikut:

- i) Peningkatan KDNK dari 6% (2015) kepada 8.7% (2020);
- ii) Peningkatan jumlah syarikat tempatan yang berjaya menembusi pasaran eksport daripada 800 (2015) kepada 1,600 (2020) buah syarikat;
- iii) Peningkatan nilai eksport produk halal daripada 30% pada tahun 2015 kepada 50% daripada keseluruhan jumlah nilai eksport negara pada tahun 2020; dan
- iv) Peningkatan keperluan tenaga kerja dalam Industri halal daripada 248,000 pada tahun 2015 kepada 330,000 peluang pekerjaan pada tahun 2020.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' NORAINI BINTI AHMAD**
[PARIT SULONG]
TARIKH : **24 MEI 2016 [SELASA]**
SOALAN : **58**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah kesinambungan program angkasawan negara pada tahun 2004 dan apakah bentuk kerjasama yang masih terjalin di antara pihak Kementerian dengan angkasawan pertama negara, Sheikh Muszaphar Shukor.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Program Angkasawan Negara Pertama (PAN-1) telah berjaya dilaksanakan pada Oktober 2007 yang mana Malaysia telah berjaya menghantar angkasawan negara ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS). Selepas pelaksanaan program PAN-1, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) telah meneruskan aktiviti penyelidikan sains mikrograviti.

Mikrograviti bermaksud satu keadaan di mana pengaruh graviti hampir sifar iaitu tiada tarikan graviti. Tanpa kesan graviti, sifat sebenar sesuatu bahan akan kelihatan dan keadaan ini membuka peluang yang unik

untuk saintis mengkaji dan memahami proses fizikal dan biologi yang sebenar untuk sesuatu fenomena ataupun bahan (material). Hasilnya, para saintis dapat mencipta pelbagai bahan dan memperkenalkan teknik-teknik baru untuk kesejahteraan masyarakat serta membuka peluang penerokaan bidang penyelidikan baru.

Di antara aktiviti-aktiviti penyelidikan mikrograviti yang telah dijalankan adalah seperti kerjasama Kementerian dengan *Institute for Bio-Medical Problems* (IBMP), Rusia di bawah program MARS500. Kementerian juga telah menjalinkan kerjasama dengan pihak Jepun menerusi *Japan Aerospace Exploration Agency* (JAXA) dalam menjalankan eksperimen sains mikrograviti menggunakan teknik penerbangan parabolik (*parabolic flight*) serta eksperimen penghabluran protein dan ujikaji pertanian di ISS. Selain daripada penyelidikan dan kerjasama antarabangsa, beberapa kajian mikrograviti juga sedang giat dijalankan secara *ground based* oleh penyelidik tempatan dari Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Pusat Penyelidikan Bioperubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UMBI, UKM) serta Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) menggunakan peralatan khas.

MOSTI telah menjenama semula Program PAN-2 kepada Program Mikrograviti Negara (PMN). Program ini memberi tumpuan terhadap penyelidikan dan pembangunan (R&D) termasuk pembangunan kapasiti, fasiliti dan peningkatan tahap kesediaan negara dalam bidang mikrograviti. Ini termasuklah program-program dan aktiviti pendidikan berkaitan mikrograviti di peringkat sekolah mahupun universiti.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerjasama juga masih terjalin di antara Kementerian dengan angkasawan pertama negara, Datuk Dr. Sheikh Muszhapar Shukor. Antaranya ialah pelaksanaan program-program kesedaran awam berkaitan pembudayaan sains anjuran Kementerian seperti Program *Creativity and Science4u* dan Program Pendidikan Planetarium. Kerjasama ini akan diteruskan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.